

Remaja OKU dikurung, bilik dipenuhi najis

Sinar 22/6/14 M.S.G

■ KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB

NILAI - Jabatan Imigresen Negeri Sembilan menyelamatkan seorang remaja lelaki yang dikurung di bilik sebuah rumah pangsa, di Taman Semarak, dekat sini, semasa operasi memburu pendatang asing tanpa izin (Pati), semalam.

Remaja tempatan, berusia 15 tahun, daripada golongan orang kurang upaya (OKU) itu, itu ditemui pihak imigresen kira-kira jam 2 pagi dalam keadaan tidak terurus.

Tubuhnya terlalu kurus dan kelihatan seperti mayat hidup, dipercayai akibat kekurangan zat makanan.

Lebih menyedihkan, bilik di mana remaja malang itu dikurung penuh dengan sampah, najis dan tanah.

Baju yang dipakai mangsa juga didapati sudah mereput akibat terlalu lama bercampur dengan sisa air kencing dan najisnya sendiri sepanjang berada di situ.

Menurut Pengarah Imigresen negeri, Faizal Fazri Othman, pihaknya sama sekali tidak menyangka akan menemui remaja terbabit ke-



Keadaan bilik di mana kanak-kanak itu ditempatkan.



Remaja malang yang diselamatkan imigresen, semalam.



Ibu remaja berkenaan sedang disoal siasat pihak berkuasa.

rana tujuan asal pihaknya menyerbu kediaman itu adalah kerana mendapat maklumat tempat itu didiami Pati.

"Remaja itu kemudian dihantar ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, untuk mendapatkan rawatan dan pemeriksaan sewajarnya.

"Kita telah menahan ibu remaja itu yang berasal dari Sabah untuk membantu siasatan. Kes itu dirujuk kepada

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri," katanya.

Menurutnya, ibu remaja itu kebetulan baru pulang dari tempat dia bekerja di Sepang, Selangor, semasa anggota-anggota penguat kuasa berada di tempat tersebut.

Mengulas mengenai operasi yang dijalankan itu, Faizal Fazri berkata, Operasi Bersepadu 6P itu disertai 115 anggota Imigresen, 30 ang-

gota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela), empat dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan lima anggota Jabatan Pendaftaran Negara.

"Seramai 284 orang telah diperiksa, di mana 74 daripada mereka ditahan mengikut Seksyen 15(1)(c) dan Seksyen 6(1)(c), iaitu membabitkan kesalahan tinggal lebih masa dan tiada pengenalan diri yang sah," katanya.

Remaja OKU ditempatkan di pusat perlindungan

SHAH ALAM - Remaja lelaki daripada golongan orang kurang upaya (OKU) yang ditemui dikurung akan ditempatkan di pusat perlindungan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, siasatan berhubung perkara itu sedang dijalankan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sekiranya hasil siasatan mendapati terdapat pengabaian terhadap remaja OKU itu, dia akan ditempatkan di pusat perlindungan kendalian JKJ.

"Pegawai Pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan turut berada di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) di mana tem-

pat remaja tersebut diserahkan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Rohani, hasil siasatan awal mendapati remaja lelaki berusia 15 tahun itu dan ibunya berasal dari Sabah. Remaja tersebut merupakan OKU cerebral palsy dipercayai dikurung dan diabaikan.

"Keadaan fizikal remaja tersebut sangat kurus akibat kekurangan zat makanan dan tidak boleh berjalan. Dia hanya mampu merangkak.

"Hasil siasatan juga mendapati ibu bapa remaja itu bercerai dan ibu yang menjaganya putus hubungan dengan bekas suami. Ibu tersebut bagaimanapun menafikan yang anaknya dikurung dan diabaikan," katanya.

Hospital pantau keadaan mangsa

SEREMBAN - Remaja lelaki orang kurang upaya (OKU) yang ditemui dikurung dalam keadaan menyedihkan di sebuah rumah pangsa di Taman Semarak, Nilai, pagi semalam, dilaporkan berada dalam keadaan tidak membimbangkan setelah mendapat rawatan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Sembilan, Datuk Norhayati Omar berkata, keadaan remaja terbabit yang ditempatkan di wad kanak-kanak hospital berkenaan sedang dipantau.

"Pemeriksaan doktor mendapati dia tidak mengalami demam, mahu pun batuk.

Setakat ini, pihak hospital tidak tahu lagi sejarah perubatan remaja ini kerana kita tiada menyimpan rekod mengenainya," katanya selepas melawat remaja itu di HTJS di sini, semalam.

Beliau meminta polis agar menyiasat



Keadaan remaja lelaki OKU yang ditemui di rumahnya, semalam.

perkara tersebut jika terdapat unsur penderaan dan pengabaian.

"Setakat ini, remaja itu akan dilindungi Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM) sementara laporan penuh daripada pihak hospital. Remaja itu berada di bawah pengawasan dan pemantauan JKJ," katanya.